

# Fiesta Cahaya 2014 Lambang Kesenian, Kebudayaan dan Warisan India

oleh: **Gauthaman Ravichandran**

SABTU, 26 April - Sekretariat Kesenian, Kebudayaan dan Warisan India (SEKWI) dibawah lembaga Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), telah menganjurkan satu program mega iaitu "Fiesta Cahaya" yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir. Turut hadir pada malam itu ialah Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj.Md. Mansur, Pegawai Penyelaras SEKWI ,Ir. Dr. Muralindran Mariappan dan Datuk V. Jothi, Timbalan Pengerusi Lembaga Pelabuhan – Pelabuhan Sabah serta para penerjah dan staf UMS.

Majlis ini diraikan dengan penuh meriah sempena ulang tahun ke-10 sejak penubuhan UMS pada tahun 1994. Program ini diadakan untuk menonjolkan tradisi dan budaya masyarakat India kepada seluruh rakyat Sabah yang terdiri daripada kaum Melayu, kaum Bumiputera Sabah dan kaum Cina.

Secara langsung, program ini adalah untuk mengekalkan identiti pelbagai budaya dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia terutama di negeri Sabah ini.

"Program ini adalah salah satu cara mewujudkan perpaduan antara kaum terutama di negeri Sabah yang mempunyai pelbagai etnik dan bangsa berlainan seperti Murut, Bajau, Sulu dan sebagainya. Malahan, kita dapat mengenali tradisi kaum orang lain dan mendalami tradisi dan adat rakan kita yang berlainan bangsa," menurut Datuk Abidin Madingkir.

Tambahnya, ini adalah tahun kedua beliau dijemput sebagai tetamu kehormat bagi merasmikan majlis ini dan beliau berharap dapat mengikut untuk tahun seterusnya.

Pengarah program Fiesta Cahaya 2014, Kuan Raj Mariyan Periya Nayagem menyatakan aktiviti



**Upacara Perasmian Fiesta Cahaya sempena Ulang Tahun Ke-10**

tahunan ini diadakan untuk mengenali warisan yang diturunkan, justeru menjadi kebanggaan masyarakat India.

Fiesta Cahaya pada tahun ini lebih tertumpu kepada pakaian tradisi orang India yang merangkumi pelbagai etnik.

Antara tarian yang dipersembahkan ialah tarian Kathakali, tarian Malayalee, tarian Telugu dan sebagainya yang mempamerkan 11 jenis tarian berbeza mengikut etnik dalam budaya kaum India.

